

NO. SOALAN : 56

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD BAIHAKI BIN
ATIQULLAH [KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 8 APRIL 2015 (RABU)

SOALAN

Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Hentian Putra yang menjadi terminal bas utama untuk perjalanan ke Pantai Timur telah ditutup dengan rasminya pada Januari 2015. Adakah pihak Kerajaan berhasrat untuk membina sebuah terminal yang baru bagi menggantikan tempat tersebut dan bilakah serta di mana tempat baru yang dicadangkan.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penutupan Hentian Bas Putra oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terpaksa dilakukan atas faktor keselamatan apabila bangunan tersebut mengalami masalah keretakan lantai yang teruk yang telah menjejaskan struktur bangunan.
2. Melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang pertama pada tahun 2009, terapat rancangan untuk membina sebuah terminal baru yang dikenali sebagai *Intergrated Transport Terminal, Gombak (ITTG)* yang mana pada perancangan asal akan menempatkan kedua-dua laluan utara dan laluan pantai timur.
3. Semakan perancangan ini dikemaskini dan telah diputuskan bahawa satu terminal berasingan iaitu *Integrated Transport Terminal, Sg Buluh (ITTSB)* akan dibina khusus bagi laluan utara.
4. Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam urusan pembangunan terminal ITTG berkenaan, sedang melaksanakan kajian semula membabitkan kapasiti terminal, model bisnes perniagaan dan kaedah operasi supaya sesuai dengan pengurangan jumlah bas dan trip bas untuk sektor pantai timur sebelum ia dimuktamadkan.

5. Pada masa ini, semua operasi bus ke pantai timur beroperasi di Terminal Bersatu Selatan yang dapat menampung keperluan asas penumpang dan menyediakan kesalinghubungan ke semua lokasi utama di Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.